

# Bola jaring darah daging Milia

**Walaupun sibuk menggalas tanggungjawab besar demi mengharumkan nama negara dalam sukan bola jaring, tetapi Norshamilia tetap mengutamakan pelajaran.**

Oleh NOR AZIRAN YUNUS

aziran.yunus@kosmo.com.my

**A**PABILA melihat sosok tubuh gadis berusia 21 tahun ini pasti ramai yang bersetuju bahawa dia selayaknya menjadi ‘tonggak’ skuad bola jaring Maysia ketika ini.

Ketua pasukan bola jaring kebangsaan, Norshamilia Md. Samsudin yang mempunyai ketinggian 1.77 meter serta berat 55 kilogram itu sebenarnya tidak menyangka akan menjadi seorang pemain bola jaring kebangsaan.

Menurut gadis kelahiran Pulau Pinang itu, dia aktif bersukan sejak daripada bangku sekolah rendah lagi.

“Saya memang seorang yang sangat aktif dan sentiasa mewakili sekolah serta daerah dalam kebanyakan acara sukan yang di pertandingkan.

“Pada mulanya saya tidak begitu meminati sukan bola jaring kerana saya lebih mengemari acara individu seperti lompat tinggi.

“Tetapi selepas tamat sekolah rendah, saya mendapat tawaran untuk menyambung pengajian ke SSBJ (Sekolah Sukan Bukit Jalil) dengan pengkhususan bola jaring,” kata Norshamilia atau lebih mesra disapa Milia kepada kru *Jurnal* baru-baru ini.

## Tuah


Tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu’. Peribahasa tersebut pasti sesuai untuk mengungkap kisah permulaan karier Milia dalam skuad bola jaring kebangsaan.

Pada usia 18 tahun ketika itu, namanya telah disenaraikan dalam pasukan senior kebangsaan untuk Kejurnas Bola Jaring Dania di Singapura pada Julai 2011.

Bermula dari situ, Milia tidak menoleh ke belakang lagi dan namanya terus melekat di hati ketua jurulatih kebangsaan, Choo Kon Lee.

Selaras tiga tahun menyertai pasukan bola jaring kebangsaan, kenangan paling manis bagi Milia tentunya apabila pasukan negara berjaya mengekalkan kejohaan dalam Kejohaan Remaja Asia buat kali ketujuh berturut-turut pada Julai lalu.

Gadir yang berada di tahun kedua pengajian Sarjana Muda Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM) itu juga melahirkan rasa sedih apabila melihat sukan



NORSHAMILIA kini menuntut di tahun kedua pengajian Sarjana Muda Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia.

bola jaring masih kurang mendapat pendedahan sama ada melalui media ataupun perhatian masyarakat negara ini.

“Kalau diukur pada prestasi terkini, pasukan negara sekarakar berada dalam kelompok tiga terbaik di Asia selepas Sri Lanka dan Singapura.

“Sememangnya nama negara dalam acara bola jaring cukup harum di peringkat Asia dan kita banyak juga memenangi kejohaan yang disertai tetapi, berapa ramai yang turut perkara itu?

“Mungkin juga perkara ini terjadi disebabkan sukan bola jaring tidak diletakkan dalam senarai sukan teras.

“Namun, itu bukanlah masalah besar kerana bagi kami (para pe-

main) apabila turun membawa nama negara pasti akan sentiasa bersungguh-sungguh untuk menang,” ujarnya.

## Cita-cita

Sebagai seorang atlet, kecergasan merupakan aspek utama yang perlu diberi perhatian oleh sesorang itu.

Bagi Milia, segalanya bergantung kepada diri seseorang itu.

Seseorang atlet itu tidak boleh terlalu bergantung kepada sesi latihan yang diatur jurulatih sahaja kerana mereka juga perlu pandai ‘mencuri masa’ dengan melakukan latihan tambahan untuk memastikan tahap keceregasan sentiasa dikekalkan.

Dalam pada itu, untuk Sukan

SEA di Myanmar tahun ini, bola jaring tidak dipertandingkan oleh tuan rumah manakala pada edisi 2015 di Singapura acara itu akan kembali dipertandingkan.

Katanya, setakat ini, Sukan SEA 2015 adalah sasaran utama kejohanan terbesar untuk pasukan Maysia selepas ini.

Menurut Milia, dalam sukan bola jaring dia sangat mengagumi dua bekas pemain kebangsaan, Nur Ain Ramli dan Siti Fairuz Mustappa.

Ujarnya, kedua-dua pemain itu boleh dianggap sebagai legenda dalam sukan bolajaring kerana mempunyai pengalaman sangat luas serta berbakat besar.

“Ramai lagi sebenarnya pemain-pemain hebat namun sayang mereka (pemain bola jaring) kurang mendapat pendedahan dan tidak dikennenai,” katanya.

Kebanyaknya atlet apabila sudah bersara pasti akan kekal berada dalam komuniti sukan juga cuma beralih ‘tajuk’ kepada jurulatih.

Tetapi berbeza dengan Milia kerana baginya selepas bersara nanti dia mahu meninggalkan terus bidang sukan ini dan akan memberi tumpuan kepada bidang sumber manusia iaitu jurusan yang sedang dibangun di UPM ketika ini.

“Cita-cita saya sejak daripada kecil sememangnya ingin menjadi seorang atlet dan saya sangat bersyukur kerana ia menjadi kenyataan.

“Selaras banyak merasai pahit manis sepanjang bergelar atlet, saya rasa biarlah selepas bersara daripada bola jaring nanti saya menggunakan sepenuhnya ijazah saya itu untuk kerjaya seterusnya,” katanya Milia.



**EKSTRA**  
**Norshamilia  
Md. Samsudin**

Asal: Pulau Pinang

**Pendidikan:** Tahun Kedua, Ijazah Sarjana Muda Sumber Manusia, Universiti Putra Malaysia

**Sukan:** Ketua Pasukan Bola Jaring Maysia

**Prinsip hidup:**  
Berusaha bersungguh-sungguh untuk mendapat apa yang diingini